# SURAT TAWARAN OPSYEN SARAAN BARU PERKHIDMATAN AWAM KEPADA PEGAWAI TETAP BAGI MENGIKUT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 13 TAHUN 2011

## BAGI JAWATAN JUMUD SEBELUM PELAKSANAAN SARAAN BARU PERKHIDMATAN AWAM DAN DIHAPUSKAN JAWATAN

## (PEGAWAI YANG BELUM MEMENUHI SYARAT SKIM PERKHIDMATAN DI BAWAH SARAAN BARU PERKHIDMATAN AWAM)

***ARAHAN***

1. *Lampiran J1- J4 hendaklah dilengkapkan oleh Ketua Jabatan di mana berkaitan dan disediakan dalam DUA (2) salinan.*
   - *SATU (1) salinan untuk jabatan.*
   - *SATU (1) salinan untuk pegawai.*
2. *Pegawai perlu mengembalikan Lampiran J2 dan J3 kepada Ketua Jabatan.*

(Diisi Oleh Ketua Jabatan)

Rujukan Fail Jabatan : ………………………………………

Kepada : ………………………………………..

.........................................................

.........................................................

.........................................................

.........................................................

(Alamat Pegawai)

**<u>BAHAGIAN A</u>**

1. Nama : …………………………………………………………….......................
2. No. K/P : ……………………………………………………………......................
3. Maklumat Perkhidmatan Sekarang:

(i) Nama Skim Perkhidmatan : …………………………………………………...

(ii) Sistem Saraan* : ☐ SSM ☐ SSB ☐ JKK 1976

(iii) Gred Hakiki : ……………………………………………….......

(iv) Jadual Gaji : P1T1 RM.............hingga P1T.... .RM............
P2T1 RM.............hingga P2T.... .RM............
P3T1 RM.............hingga P3T.... .RM............

(v) Gaji Hakiki Pada 31.12.2011 : RM……………......………………… (P...T…)

(vi) Tarikh Pergerakan Gaji : …………………………………………………

**BAHAGIAN B**

4. Tuan/puan dengan ini dengan ini ditawarkan Saraan Baru Perkhidmatan Awam dari skim perkhidmatan .................................... ke skim perkhidmatan .......................................... berkuat kuasa pada 1 Januari 2012. Gaji tuan/puan akan diselaraskan ke skim perkhidmatan ................................. sehari selepas memenuhi syarat yang ditetapkan. Tuan/puan akan dikekalkan secara Khas Untuk Penyandang (KUP) atas skim perkhidmatan dan gred gaji yang setara di bawah SBPA sehingga memenuhi syarat tersebut. Gaji tuan/puan mulai 1 Januari 2012 ditetapkan seperti berikut:

   (i) Nama Skim Perkhidmatan : …………………………………… KUP

   (ii) Gred : ………………………....................

   (iii) Jadual Gaji : T1 RM.............hingga T.... .RM............

   (iv) Gaji Pada 1.1.2012 : RM……………..…………...(T…..)

   Setelah tuan/puan memenuhi syarat dan berada dalam skim perkhidmatan .........................., jadual gaji terpakai adalah T1 RM ................. – T..... RM ................

5. Tarikh pergerakan gaji tahunan tuan/puan dikekalkan/berubah kepada:*

   (i) 1 Jan ☐ (ii) 1 Apr ☐ (iii) 1 Jul ☐ (iv) 1 Okt ☐

6. Tuan/puan dikehendaki melengkapkan dan menandatangani borang opsyen yang dikembarkan di **Lampiran J3** bersama-sama surat tawaran ini dan mengembalikannya kepada Ketua Jabatan tuan/puan **sebelum atau pada 30 Disember 2011**.

7. (i) Opsyen tuan/puan hendaklah dibuat dengan **JELAS** dan **TANPA BERSYARAT**.

   (ii) Sekiranya tuan/puan **BERSETUJU** menerima opsyen ini, tuan/puan adalah tertakluk kepada skim perkhidmatan serta terma dan syarat perkhidmatan di bawah Saraan Baru Perkhidmatan Awam secara KUP sehingga memenuhi syarat tersebut mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 13 Tahun 2011.

   (iii) Sekiranya tuan/puan **TIDAK BERSETUJU** menerima opsyen ini, **jika tuan/puan di bawah Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) akan dibersarakan di bawah seksyen 6A(6) Akta Pencen 1980 (Akta 227) yang dibaca bersama seksyen 10(5)(b) Akta 227, atau jika tuan/puan di bawah Skim Pencen akan dibersarakan di bawah seksyen 10(5)(b) Akta 227.**

(iv) Sekiranya, tuan/puan membuat opsyen:

(a) tidak jelas;
(b) dengan bersyarat;
(c) dengan bantahan;
(d) dengan pindaan; atau
(e) tidak mengembalikan borang opsyen dalam tempoh yang ditetapkan tanpa sebab yang munasabah,

tuan/puan **disifatkan sebagai tidak bersetuju** menerima tawaran Saraan Baru Perkhidmatan Awam di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 13 Tahun 2011 dan **jika tuan/puan di bawah Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) akan dibersarakan di bawah seksyen 6A(6) Akta Pencen 1980 (Akta 227) yang dibaca bersama seksyen 10(5)(b) Akta 227, atau jika tuan/puan di bawah Skim Pencen akan dibersarakan di bawah seksyen 10(5)(b) Akta 227.**

8. Sekiranya selepas tuan/puan bersetuju menerima tawaran opsyen ini dan kemudiannya tuan/puan meletak jawatan atau ditamatkan perkhidmatan atau dibuang kerja dalam tempoh opsyen, maka tawaran ini adalah dengan sendirinya **terbatal**.

9. Sekiranya tuan/puan ditahan kerja atau digantung kerja oleh Pihak Berkuasa Tatatertib pada bila-bila masa sebelum 1 Januari 2012, apa-apa faedah yang layak diberi kepada tuan/puan akan diselaraskan dengan sewajarnya, dengan syarat tuan/puan bersetuju menerima tawaran opsyen ini, melainkan jika Pihak Berkuasa Tatatertib mengenakan hukuman buang kerja ke atas tuan/puan yang berkuat kuasa sebelum 1 Januari 2012.

10. Sekiranya tuan/puan dikenakan perintah tahanan, kediaman terhad, buang negeri, deportasi atau apa-apa bentuk perintah sekatan atau pengawasan sama ada dengan bon atau sebaliknya di bawah mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa sebelum 1 Januari 2012, apa-apa faedah yang layak diberi akan diselaraskan dengan sewajarnya, dengan syarat tuan/puan bersetuju menerima tawaran opsyen ini, melainkan jika Pihak Berkuasa Tatatertib mengenakan hukuman buang kerja ke atas tuan/puan yang berkuat kuasa sebelum 1 Januari 2012.

11. Opsyen tuan/puan adalah **MUKTAMAD**.

Tandatangan Ketua Jabatan : ……………………………………......
Nama : …………………………….............
Jawatan : …………………………….............
Alamat Jabatan : ...............................................
Tarikh : ……………………………………..

Cap Rasmi

** Sila tandakan √ dalam salah satu petak yang berkenaan sahaja.*